

28 DEC 2000

Mahathir-Inggeris

PENGUASAAN BAHASA INGGERIS TIDAK CABAR PATRIOTISME

Oleh: E.Sivabalan

KUALA LUMPUR, 28 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, tanggapan bahawa mempelajari dan menguasai Bahasa Inggeris mencabar nilai-nilai patriotisme rakyat adalah tidak benar.

Bercakap kepada Bernama dalam satu temuramah eksklusif di Pejabat Perdana Menteri di Putrajaya pada Selasa, beliau berkata, ada orang mempunyai tanggapan salah yang mempelajari Inggeris bermakna kurang setia dan tidak patriotik.

"Mereka beranggapan dengan hanya bercakap dalam Bahasa Melayu, menjadikan mereka seorang nasionalis dan ini tidak benar," katanya ketika ditanya mengenai mutu Bahasa Inggeris yang rendah di kalangan rakyat Malaysia, terutamanya orang Melayu.

Menurut laporan sebelum ini, mutu pendidikan, terutamanya pengajaran bahasa Inggeris di sekolah-sekolah awam dan universiti tidak cukup baik untuk mengekal dan menyediakan negara untuk masa depan terutamanya untuk K-Ekonomi.

Dr Mahathir berkata, adalah malang sesetengah orang berpendapat bahasa Inggeris harus diabaikan sepenuhnya jika dia mahu dianggap sebagai seorang nasionalis.

Beliau berkata, ada orang yang menganggap jika seseorang itu nasionalis Melayu, maka dia hanya patut mempelajari bahasa Melayu.

"Tetapi malangnya orang-orang ini juga bercakap dalam bahasa Inggeris. Tetapi, pelajar-pelajar Melayu sendiri berfikir jika mempelajari bahasa Inggeris, mereka tidak nasionalis, mereka tidak menyokong bahasa melayu," katanya.

Perdana Menteri berkata, setiap kali kerajaan menekankan pembelajaran dan penguasaan bahasa Inggeris, terdapat nasionalis bahasa yang percaya bahawa untuk menjadi nasionalis, seseorang itu hanya harus menggunakan bahasa Melayu.

Dr Mahathir berkata, seseorang nasionalis itu adalah seorang yang telah menguasai semua pengetahuan dan kemahiran dan mampu mencabar seluruh dunia.

"Itulah nasionalis sebenar," katanya.

Ketika diminta mengulas kekurangan kandungan bahasa Inggeris dalam sistem pendidikan berikutan peralihan ke Bahasa Malaysia di sekolah-sekolah, Dr Mahathir berkata perkara itu tidak wujud.

"Apabila kita beralih ke Bahasa Malaysia, kita menekankan pentingnya Bahasa Inggeris dari mula lagi, iaitu sejak 1960-an lagi apabila sekolah-sekolah Inggeris ditukar kepada sekolah kebangsaan. Kita menekankan perlunya menguasai kedua-dua bahasa -- Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris," katanya.

Ditanya mengenai realiti bahawa kerajaan mengeluarkan guru-guru yang tidak fasih bahasa Inggeris di peringkat sekolah, Perdana Menteri berkata terdapat keperluan untuk mendapatkan guru-guru dari tempat lain jika perlu atau melatih semula mereka dalam bahasa Inggeris.

Mengenai sama ada kerajaan mempunyai keazaman politik untuk memperbaiki penguasaan bahasa Inggeris di kalangan orang Melayu, Dr Mahathir berkata:

"Keazaman politik kita ada. Tetapi kita tetap akan berhadapan dengan nasionalis bahasa yang hanya mahu rakyat bercakap bahasa Melayu dan tidak mempunyai pengetahuan lain."

Ditanya sama ada kerajaan akan mengabaikan orang-orang ini, Perdana Menteri berkata: "Kamu perlu mengabaikan orang-orang ini kerana ini melibatkan masa depan negara kita."

Dr Mahathir mengakui bahawa keupayaan beliau untuk bercakap dan menjelaskan sesuatu perkara dalam bahasa Inggeris banyak membantunya ketika berjumpa dengan pemimpin-pemimpin dunia dan di forum-forum antarabangsa.

"Sebab itulah saya rasa penguasaan bahasa Inggeris amat penting kerana kita perlu berhubung dengan negara-negara lain lebih kerap lagi dan kita tak boleh pergi ke negara-negara lain dan bercakap bahasa kita kerana tidak ada orang yang akan mempelajari bahasa kita untuk memahami kita.

"Kita mungkin boleh bercakap dengan satu atau dua orang, tetapi dunia tidak akan mempelajari bahasa Melayu semata-mata untuk memahami orang Melayu," tambah beliau.

-- BERNAMA
ES ES AR PR